



JABATAN PELESENAN
BORANG SENARAI SEMAK
PERMOHONAN LESEN SMART TRAK BARANGAN DAN PERKHIDMATAN
NO. TELEFON: 03-6064 1331 FAX: 03-6064 3991

NO. FAIL :

		/			/				
--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

 (*untuk kegunaan pejabat)

1. Sila isikan borang permohonan ini dengan lengkap, terang dan jelas.
2. Potong mana yang tidak berkaitan*.
3. Tandakan (/) dalam kotak berkenaan.
4. Sila susun dokumen mengikut turutan dan tuliskan nombor di sebelah kanan atas dokumen tersebut.

5. PERMOHONAN YANG LENGKAP SAHAJA DITERIMA UNTUK DIPROSES

Bil	Butiran	Bilangan Dokumen	SEMAKAN			
			1	2	3	4
1	Borang permohonan yang lengkap diisi dengan HURUF BESAR (borang penuh original sila pulangkan)	2 salinan (m/s 4&5)				
2	Salinan kad pengenalan pemohon.	3 salinan				
3	Salinan pendaftaran perniagaan (ROC/ROB) / SSM)	1 Salinan				
4	Salinan Surat Kebenaran / Tawaran Tuan Punya Tanah / Surat Perjanjian Sewa (Jika berkaitan)	3 salinan				
5	Salinan geran Pendaftaran Kenderaan / Kelulusan JPJ / surat kebenaran pemilik kenderaan jika kenderaan bukan milik sendiri.	1 Salinan				
6	Salinan lesen memandu pemohon	1 Salinan				
7	Pelan Lokasi (Google Maps / Lukisan Komputer)	3 salinan				
8	Gambar tapak dan smart trak dari jarak jauh : - 1 sisi depan - 1 sisi belakang - 1 sisi kiri - 1 sisi kanan <div style="margin-left: 100px;"> <p>WAJIB!!!</p> <ul style="list-style-type: none"> • BERWARNA • LETAKKAN EMPAT GAMBAR DI DALAM SATU A4 (PELBAGAI SISI YANG DIMINTA) • BERTARIKH TERKINI (2 Minggu Sebelum permohonan diterima) <p>- Menggunakan Aplikasi Timestamp (download melalui playstore / app store)</p> </div>	3 salinan				
9	Salinan kad pengenalan pekerja	1 Salinan				
10	Senarai nama pekerja	1 Salinan				
11	Salinan Sijil Suntikan TY2 (Pemohon & Pekerja)	1 Salinan				
12	Salinan Sijil Kursus pengendalian makanan / minuman (Pemohon & Pekerja)	1 Salinan				
13	Resit bayaran / Nota Perlindungan Caruman Perkeso bagi Pemohon & Pembantu. (Selepas mendapat Surat Kelulusan permohonan lesen daripada pihak Majlis) Layari : https://matrix.perkeso.gov.my	1 Salinan				
14	Gambar terbaru pemohon berukuran passport	2 keping				
15	a) Surat Wakil b) Salinan kad pengenalan wakil	Jika bukan pemohon lesen yang hadir	1 salinan			
TARIKH SEMAKAN						

PERCUMA
(Dalam Talian Sahaja)
MDHS/JP/006



BORANG PERMOHONAN LESEN SMART TRAK BARANGAN DAN PERKHIDMATAN

MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR



**BORANG PERMOHONAN
LESEN SMART TRAK BARANGAN DAN PERKHIDMATAN
MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR**

A. Jenis Permohonan

1. Jenis Kenderaan : Smart trak

* No. Pendaftaran Kenderaan :

(Wajib isi)

B. Maklumat Pemohon

1. Nama

2. No. Kad Pengenalan

3. Alamat Surat Menyurat

4. No. Telefon & Telefon Bimbit

5. No. Pendaftaran Syarikat

6. Alamat Emel (Jika ada)

C. Maklumat Perniagaan

1. Jenis Jualan / Aktiviti Niaga

a. Makanan / Minuman

b. Bukan Makanan

c. Perkhidmatan

d. Lain-lain

* Nyatakan Jenis Jualan / Perkhidmatan : _____

2. Lokasi Aktiviti Perniagaan



D. Tempoh Perniagaan

1. Masa Perniagaan : Mulai _____ Hingga _____

2. Hari Perniagaan

Isnin Selasa Rabu Khamis

Jumaat Sabtu Ahad

E. Perakuan Pemohon

Saya seperti pemohon di atas mengakui segala maklumat yang diberikan adalah benar. Saya juga akan mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh PBT dan Pihak Majlis boleh mengambil apa jua tindakan ke atas saya sekiranya saya telah melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan tanpa sebarang tuntutan mahkamah atau sebarang kos gantirugi.

Tandatangan Pemohon : _____

Tarikh : _____



LESEN PENJAJA : SYARAT & PERATURAN

Syarat Am

1. Pemohon mestilah warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas sahaja yang layak dipertimbangkan.
2. Tidak boleh mengambil warga asing sebagai pembantu.
3. Pemohon perlu mendapatkan kelulusan daripada penganjur / pemilik tapak.
4. Semua permohonan akan diproses berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan.
5. Menjalankan perniagaan mengikut kelulusan lesen sahaja.
6. MEMATUHI syarat dan peraturan yang dikenakan oleh agensi-agensi yang berkaitan dengan barang yang diniaga (KPDNKK/PERTANIAN/KKM) dan lain-lain.
7. Waktu Perniagaan mestilah mengikut masa yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
8. Pemohon mestilah menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
9. Had bilangan lokasi tapak menjalankan aktiviti menjaja bagi setiap lesen yang diluluskan bergantung kepada kuota kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan.
10. Pemilik Lesen hendaklah sentiasa berada di lokasi perniagaan.
11. Lesen hendaklah sentiasa dipamerkan dengan jelas dan mudah dilihat.
12. Penjualan makanan dan minuman di dalam lingkungan 40 meter dari pagar sekeliling sekolah / bangunan pejabat kerajaan / hospital / masjid / bank / pasar awam / perhentian bas / pakir berbayar adalah dilarang bagi semua penjaja statik dan penjaja beredar.



Penjaja (Penyedia Makanan)

1. Semua pengendali makanan yang terlibat di dalam penyediaan atau penyajian makanan hendaklah :
 - Mengambil suntikan pelalian typhoid dan disahkan sihat oleh pengamal perubatan yang diiktiraf sebelum menjalankan aktiviti perniagaan
 - Setiap pengusaha / pengendali makanan diwajibkan menghadiri Kursus Asas pengendali makanan
 - Setiap pekerja perlu memaki apron, penutup kepala dan kasut yang bertutup semasa mengendalikan makanan / minuman.
 - Menggunakan peralatan yang bersih, sesuai dan sempurna semasa mengendalikan makanan
 - Tidak meludah, merokok atau mengunyah sirih / pinang semasa menjalankan perniagaan. Memastikan kebersihan diri sentiasa menjadi amalan.
 - Berkuku pendek dan sentiasa bersih
 - Mematuhi segala syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan
2. Lesen perniagaan ini tidak boleh digunakan / diniaga oleh orang lain.
3. Menyediakan bekalan air bersih dan terawat.
4. Kebersihan tempat menjaja dan kawasan sekitarnya hendaklah sentiasa dijaga.
5. Tidak membuang sisa perniagaan ke dalam sistem perparitan. Semua bahan-bahan yang tidak digunakan tidak boleh dibuang di mana-mana tetapi perlu diuruskan dengan betul atau dimusnahkan.
6. Tiada seorang penjaja boleh menyebabkan atau membenarkan meletakkan, menumpahkan, menaburkan atau membuang apa-apa darah, air asin, cecair buangan, minyak atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang atau tempat awam.
7. Semua sampah dan lebihan makanan hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik sebelum dibuang ke dalam tong sampah. Menyediakan tong sampah yang sesuai dan tertutup.
8. Semua gerai makanan hendaklah memasang perangkap minyak (grease trap).
9. Memastikan semua makanan ditutup atau dipamerkan di tempat yang khas supaya ia tidak akan dicemari oleh lalat, lipas dan lain-lain.
10. Semua bahan-bahan yang digunakan dalam masakan perlu disimpan dalam bekas bertutup dan dilabelkan.
11. DILARANG untuk mengganggu perjalanan trafik, menghalang atau mengganggu pejalan kaki.
12. Penjaja hendaklah mematuhi arahan bertulis yang diberikan oleh pihak berkuasa tempatan atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang DiPertua berkenaan dengan penempatan kenderaan atau lain-lain alat yang berkaitan semasa menjalankan aktiviti perniagaan.
13. TIDAK DIBENARKAN meletak kerusi / meja tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan.



14. TIDAK DIBENARKAN meninggalkan peralatan menjual selepas tamat perniagaan (jika berkenaan).
15. Mematuhi arahan Pihak Berkuasa Tempatan dari masa ke semasa.

Syarat tambahan bagi Penjaja Beredar / Bergerak

Bagi penjaja yang menggunakan kenderaan **DIWAJIBKAN** mendapatkan kelulusan daripada JPJ dan mematuhi peraturan berkaitan.

1. DILARANG menjalankan aktiviti berniaga :-
 - Dalam lingkungan 9 meter (30 kaki) dari simpang jalan
 - Dalam lingkungan 3 meter (10 kaki) dari pili bomba
 - Di atas tangga, siar kaki lima, kaki lima awam, pulau atau saluran perparitan longkang kecuali dengan kebenaran pihak berkuasa tempatan
 - Penjualan makanan dan minuman di dalam lingkungan 40 meter dari pagar sekeliling sekolah / bangunan pejabat kerajaan / hospital / masjid / bank / pasar awam / perhentian bas / parkir berbayar adalah dilarang bagi semua penjaja statik dan penjaja beredar. (Tertakluk kepada kelulusan Majlis)
2. Tidak boleh berniaga dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu lalulintas dan pergerakan orang berjalan kaki.
3. TINDAKAN PENGUATKUASAAN (kompau@pembatalan lesen) akan diambil ke atas penjaja yang melanggar peraturan yang ditetapkan.
4. Bagi penjaja beredar TIDAK DIBENARKAN / MELETAKKAN / MENINGGALKAN sebarang barang perniagaan seperti meja, payung dan kerusi di tempat perniagaan.
5. DILARANG untuk berniaga di tempat yang TIDAK DIBENARKAN.
6. TIDAK DIBENARKAN menjalankan aktiviti mencuci peralatan perniagaan di tapak perniagaan.

